

Sijil Pertanian buat Norazira bawa pulang segulung ijazah

Oleh: Ameesya Aghniya Ab Rahim



Dengan memulakan perjalanannya dengan Sijil Pertanian Malaysia, siapa sangka Siti Norazira Hasnan, 26, berjaya menamatkan pengajiannya dalam Bacelor Sains Perhutanan dengan Kepujian dari Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar UPM.

Hasratnya ini bagi membanggakan kedua-dua ibu bapa dan membuktikan bahawa dengan adanya Sijil Pertanian Malaysia ini mampu membawanya ke peringkat ijazah.

“Saya ingin membuka minda masyarakat bahawa bermula dari bawah iaitu sijil masih boleh sambung ke peringkat yang seterusnya, dan semangat untuk sentiasa belajar perlu ada.

“Walau bagaimanapun, pelbagai ujian dan cabaran perlu saya tempuhi dan waktu itu kesihatan ibu bapa saya mula merosot,” katanya yang ditemui selepas Majlis Konvokesyen UPM ke-48 Sidang 2 hari ini.

Cabaran yang dihadapi oleh beliau ketika itu sepanjang berada di UPM, adalah mengumpul merit supaya dapat menduduki dalam kolej selama 8 semester.



“Saya juga harus berebut naik bas untuk ke kelas setiap hari sebab saya tiada pengangkutan lain.

“Di sini saya belajar erti ketabahan, dan kehidupan ini mempengaruhi saya untuk meneruskan perjalanan dalam pengajian kerana saya adalah harapan mereka.

“Saya ingin membuktikan kepada ibu bapa saya bahawa harapan mereka ini dapat membawa pulang segulung ijazah,” katanya.

Cita-citanya ingin menjadi pegawai perhutanan supaya dapat menguruskan serta memulihara hutan bagi melestarikan spesies tumbuhan dan haiwan

dengan memastikan keseimbangan alam sekitar terjaga.

“Sumber motivasi adalah saya dan juga sokongan keluarga serta kawan-kawan kerana dengan minat saya dalam bidang ini, ia menjadi satu kepuasan kepada saya kerana mencapai matlamat dari segi pencapaian akademik,” ujarnya.